

Saya tidak arah MCA beli *Nanyang* — Dr. M

UM 23 JUN 1984

KUALA LUMPUR 22 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan, beliau tidak pernah mengarahkan MCA supaya membeli akhbar *Nanyang Siang Pau* dan *China Press* sebagaimana tafsiran sesetengah pihak.

Perdana Menteri berkata, beliau sebenarnya tidak mempunyai hak untuk mengarah atau menghalang mana-mana pihak membeli apa yang mereka mahu beli.

Katanya, beliau tidak faham apa yang dimaksudkan oleh sesetengah pihak sebaeai 'arahan' kerana baginya arahan ialah apabila beliau menyuruh berbuat sesuatu, sedangkan beliau tidak pernah berbuat demikian.

"Apa maksud arahan. Saya tidak faham apa yang dikatakan arahan. Mereka tanya boleh beli atau tidak dan saya kata, boleh. Arahan ialah bila saya kata, sekarang awak beli!" katanya kepada pemberita di akhir hari kedua Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini.

Dalam sidang akhbar petang semalam, Perdana Menteri berkata, beliau memberi lampu hijau kepada MCA untuk mengambil alih *Nanyang Press Holdings Berhad*.

Bagaimanapun, MCA diminta menjual sebahagian daripada sahamnya dan tidak memiliki keseluruhannya.

Dr. Mahathir berkata, beliau tidak terkejut dengan tafsiran yang dibuat itu kerana apa sahaja yang beliau katakan akan ditafsirkan oleh mereka yang tidak suka kepadanya untuk mencemarkan imej beliau.

"Saya tidak ada hak untuk menghalang sesiapa sahaja daripada membeli apa sahaja. Juga tidak ada undang-undang yang boleh menghalang MCA daripada membeli akhbar tersebut.

"Kalau MCA tanya saya sama ada mereka boleh membeli akhbar, saya kata boleh. Kalau Gerakan tanya saya, saya kata boleh. Kalau PPP hendak membeli akhbar, saya kata tidak boleh," jelasnya.

Beliau berkata, banyak pihak termasuk para pemberita yang bertanya pelbagai soalan mengenai perkara itu kepada beliau dan beliau memberikan jawapannya.

"Bila orang tanya saya, saya jawab. Kalau orang tidak tanya, saya tidak jawab," katanya.

Dr. Mahathir berkata, kalau UMNO boleh memiliki akhbar, tidak ada sebab MCA tidak boleh melakukan perkara yang sama.

"DAP juga ada akhbar dan tidak ada pun orang yang mempertikaikannya. *Harakah* pula milik Pas, yang sepatutnya sebuah akhbar parti tetapi dijual di seluruh negara," katanya.

Katanya, beliau tidak faham kenapa masyarakat Cina menentang parti politik membeli akhbar Cina sedangkan orang Melayu tidak menentang parti politik Melayu memiliki akhbar Melayu.

Bagaimanapun, beliau berkata, jika ada pihak yang menawarkan diri untuk membeli *Nanyang*, mereka boleh berbuat demikian.

"Saya ada jumpa beberapa orang lain yang hendak beli dan mereka boleh beli. Gabungan Persatuan Dewan-Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (NCCCIM) datang jumpa saya dan tanya, saya kata ya boleh beli," katanya.

Ditanya kemungkinan kenyataan-nya berhubung perkara itu boleh mempengaruhi keputusan mesyuarat agung luar biasa MCA yang akan diadakan Ahad ini, Dr. Mahathir berkata,

"Semalam, awak (pemberita) yang bertanya saya soalan. Kalau awak tidak tanya, saya tidak jawab. Sekarang, saya tidak mahu jawab."